



كمنترين سومبرا اوتام دان قلنچوغن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

KENYATAAN AKHBAR

MAJLIS PENANDATANGANAN PERJANJIAN PENYEWAAN TANAH DIANTARA

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DAN
PDS ABATTOIR SDN BHD**

BAGI TUJUAN PENINGKATAN KELUARAN DAGING LEMBU DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Hari Rabu, 7 Zulkaedah 1440H /10hb Julai 2019M

Bagi meningkatkan kapasiti keluaran daging lembu di Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT), telah memperuntukkan tanah seluas 55 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus, Daerah Tutong kepada Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. bagi tujuan membesarkan aktiviti penternakan lembu yang sedang diusahakan ketika ini secara kaedah sistem fidlot, dan untuk meningkatkan tahap sara diri bekalan daging dalam negara.

Sehubungan itu, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, satu Majlis Penandatanganan Perjanjian Penyewaan Tanah di Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus, Dearah Tutong di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, MPRT bersama Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. telah berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan MPRT.

Hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*

Menandatangani perjanjian bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd Hanifah sementara Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan syarikat berkenaan, Awang Lee Kheng Hua.

Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan di bawah Darussalam Assets Sdn Bhd., telah mula beroperasi sejak tahun 1996 bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian Batang Mitus dalam kawasan seluas dua (2) hektar. Syarikat berkenaan juga merupakan syarikat penyumbang terbesar dalam keluaran kasar bagi industri daging lembu di Negara ini, dimana secara keseluruhan keluaran kasar bagi industri daging lembu tempatan bagi tahun 2018 adalah dianggarkan bernilai BND21.48 juta. Pada masa ini, kapasiti keluaran Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd adalah diantara 3,000 – 4,000 ekor setahun.

Melalui peruntukan tanah seluas 55 hektar ini, Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd. akan mengembangmajukan lagi aktivitiinya pada masa ini untuk meningkatkan keluaran kepada 7,000 ekor setahun menjelang tahun 2020 melalui Kaedah Sistem Fidlot (*feedlot system*). Kaedah Sistem Fidlot ini adalah kaedah penternakan lembu dalam kandang yang terkawal yang mana ternakan yang berumur di bawah satu tahun akan diimport dan digemukkan dalam tempoh 2-3 bulan (100 hari). Proses pengemukkan adalah termasuk pemberian rumput (*fodder*) yang cukup dan makanan ternakan tambahan *supplement* atau konsentrat bagi mempercepatkan peningkatan berat badan.

Perlaksanaan Projek Fidlot ini akan dilaksanakan secara 2-Fasa dimana pada Fasa Pertama, Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd dijangka akan membuat pelaburan

sebanyak BND6.75 juta untuk pembinaan 2 buah kandang lembu dan penanaman rumput. Penambahan pembinaan sebanyak 4 buah kandang lembu akan dimulakan pada Fasa Kedua.

Adalah diharapkan melalui projek ini, ianya akan dapat menyumbang kepada penjanaaan peluang-peluang pekerjaan kepada warga tempatan serta peningkatan pengeluaran sumber daging tempatan untuk meningkatkan sara diri bekalan bagi daging lembu; memastikan bekalan daging halal dan bersih kepada pengguna tempatan dapat terjamin; dan membantu menstabilkan harga penjualan daging-daging di pasaran tempatan.

Di samping itu, melalui peningkatan pengeluaran sumber daging tempatan, ianya akan memberikan ruang bagi penjanaaan industri-industri hiliran termasuk pusat pemprosesan produk daging, pembungkusan dan perkhidmatan kawalan kualiti serta potensi untuk menembusi pasaran eksport.

Hadir sama pada majlis penandatanganan tersebut ialah Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang juga selaku Pengarah *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*; Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Setiausaha Tetap (Pelaburan), Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*; Awang Haji Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Pemangku Setiausaha Tetap, MPRT; serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, *Darussalam Assets Sdn. Bhd.*, Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd.; dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Majlis penandatanganan perjanjian berkenaan telah disusuli dengan sesi lawatan tapak projek di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batang Mitus di sebelah petang. Tapak projek tersebut pada masa ini telah ditanam rumput *fodder* bagi persiapan untuk makanan ternakan lembu yang akan diimport./TAMAT

Dikeluarkan oleh:

*Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*